

LALUAN CSR RAUB-BENTONG JANGKA DIBUKA MASA TERDEKAT

BENTONG, 24 APRIL 2021: Laluan Raub ke Bentong, Projek Lebuhraya Central Spine Road (CSR) sepanjang 34 kilometer (km) dijangka akan dapat dibuka kepada orang ramai dalam masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Norolazali Sulaiman berkata, namun pembukaan itu tertakluk kepada beberapa perkara teknikal berkaitan.

“Jadi kita harapkan jajaran ini boleh disiapkan segera dan kita jangka boleh dibuka dalam masa terdekat ini. Saya harap sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri boleh dibuka.

“Cadangan untuk kita buka jalan ini adalah daripada persimpangan Bentong ke persimpangan FELDA Mempaga dan keluar di simpang Kampung Keruntum berhampiran FELDA Lurah Bilut dan selepas itu akan keluar balik ikut jalan lama.

“Kiranya pengguna yang nak ke Kelantan atau Raub atau Lipis akan masuk dari persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), kemudian keluar di persimpangan Jalan Utama Mempaga (FT1498) dan masuk masuk balik ke Jalan Kuala Lumpur - Gua Musang (FT08) di Kampung Asap sebelum FELDA Lurah Bilut, tidak melalui bandar Bentong,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Lawatan Kerja Ke Projek Central Spine Road (CSR) Pakej 5 : Raub ke Bentong, di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pembukaan laluan sepanjang 34 kilometer (km) ini dijangka dapat memberi manfaat kepada pengguna jalan dengan mengurangkan masa perjalanan mereka.

“Seperti yang kita tahu, jalan Bentong ini bila trafik sesak, pengguna boleh tersangkut sampai berjam lamanya terutamanya bila musim perayaan.

“Kita harap dengan pembukaan pakej 5C dan 5D ini dapat memberi pilihan alternatif kepada orang ramai untuk perjalanan mereka lebih cepat dan selesa,” katanya.

Laluan CSR bagi laluan Raub ke Bentong ini sepanjang 54 km keseluruhan adalah merupakan sebahagian daripada enam pakej CSR yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan dan Simpang Pelangai, Kuala Lipis sepanjang 350km. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Muhammad Muslimi Abd Rahim

(LIPUTAN BERGAMBAR)





34 CENTRAL SPINE ROAD

Bentong	km
34 K. Lumpur	km
Kuantan	km

PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI



34 CENTRAL SPINE ROAD

Mampaga	km
Raub	km
Kuala Lipis	km
Kuala Rhara	km

PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI